

CN81478

U GB 15-12 00141 BH330

aab

Runtuh - Mahathir

SEBUAH UNIT KHAS AKAN DITUBUHKAN UNTUK BENCANA

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini berkata kerajaan akan mengkaji kemungkinan menubuhkan satu unit khas untuk menghadapi bencana seperti keruntuhan bangunan Highland Towers di Hulu Kelang, Sabtu lalu.

Beliau berkata, unit itu akan berdasarkan kepada pasukan penyelamat Perancis dan Jepun yang kini membantu dalam kerja-kerja mencari dan menyelamatkan.

Katannya, penubuhan unit itu adalah tanggungjawab jawatankuasa khas Kabinet yang ditubuhkan dua hari lalu untuk menangani masalah seperti tragedi Highland Towers.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sejurus tiba dari New Delhi pada pukul tujuh petang ini.

Dr Mahathir berkata, beliau telah diberi taklimat muthakhir mengenai tragedi itu tetapi tidak ada banyak berita yang mengembirakan. -- Lagi

▼15/12/21-10MST

CN81482

U GB 15-12 00133 BH333

aab

Runtuh - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Mengulas lebih lanjut mengenai unit khas itu, beliau berkata, kerajaan akan mengkaji keperluan unit itu dan memberi perhatian yang serius terhadap penubuhannya.

Mengenai sama ada beliau berpuashati dengan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan, Dr Mahathir berkata setakat yang beliau tahu segala usaha yang perlu dibuat telah dibuat.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang memberikan pertolongan seperti bekalan makanan dan menderma darah.

"Ini dengan jelas menunjukkan rakyat Malaysia bertanggungjawab dan menepati apa yang disarankan sebagai masyarakat penyayang. Saya bersyukur rakyat Malaysia rasa bertanggungjawab untuk menolong," Perdana Menteri menambah kata.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada negara-negara yang turut membantu dalam kerja-kerja mencari dan menyelamatkan seperti Singapura yang telah datang awal-awal lagi, Perancis dan Jepun. -- Lagi

▼15/12/21-25MST

CNS1490

U GB 15-12 00140 BH334

aab

Runtuh - Mahathir 3 Kuala Lumpur

"Ini menunjukkan di kalangan negara di dunia ada perasaan tanggungjawab dan ingin tolong menolong," katanya.

Beliau juga berkata: "Jika kita tidak menerima bantuan daripada pihak lain, sebabnya ialah kerana kita menerima cukup bantuan."

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengkaji secara menyeluruh apa jua tindakan bagi mengelakkan berulangnya tragedi sedemikian.

Katanya, tidak dijangka bahawa tanah runtuh seperti yang berlaku boleh menjatuhkan bangunan itu.

"Tumpuan diberi kepada sama ada bangunan itu dapat berdiri dengan tegap atau tidak. Oleh itu banyak bangunan di tepi bukit menggunakan cerucuk yang ditanam tidak berapa dalam.

"Mereka (pemaju) tidak memberi perhatian kepada kemungkinan tiang-tiang itu dipatahkan oleh satu tekanan tanah runtuh yang datang begitu banyak dan beratnya," beliau menambah kata. -- Lagi

PR/ RG SIA

15/12/21-49MST

CNS1497

U GB 15-12 00138 BH335

aab

Runtuh - Mahathir 4 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir yang pergi terus ke tempat kejadian dari lapangan terbang, menghabiskan masa 30 minit dan diberi taklimat oleh ketua-ketua pasukan penyelamat.

Beliau meminta mereka supaya jangan menggunakan "kaedah kasar" yang boleh membahayakan mangsa-mangsa yang masih hidup.

Ketua pasukan Perancis, Mejar Serge Garrigues memberitahu Perdana Menteri yang kelihatan muram itu bahawa terdapat mangsa-mangsa yang masih hidup yang bertindak balas kepada ketukan pada dinding yang dibuat oleh anggota penyelamat tengah hari tadi.

Dr Mahathir yang turut bercakap dengan ketua-ketua pasukan penyelamat dari Jepun dan Singapura, mengucapkan terima kasih atas usaha mereka itu.

Apabila didekati para pemberita kemudian, Dr Mahathir yang kelihatan sedih hanya menggelengkan kepalanya sambil berkata: "Terima kasih, semua," dan meninggal tempat itu dengan keretanya. -- Bernama

Team SIA